



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS ANGKAT SUMPAH
PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS BARU MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI 2021

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

8 JANUARI 2020 (JUMAAT)
8.30 PAGI

DEWAN KENANGA MENARA MPSP BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Ar Yew Tung Seang

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato' Ir Addnan bin Mohd. Razali

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berusaha Puan Nur'Aishah bt Md Norodin

Ketua Penolong Setiausaha

Bahagian Kerajaan Tempatan

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berhahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang

Pengerusi PUSPANITA MBSP

Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

Encik Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Puan Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada pagi yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis yang baharu bagi tahun 2021.

Saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN; Yang Berbahagia Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Setiausaha Bandaraya; Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan; Setiausaha Majlis Bandaraya Seberang Perai; Ketua-Ketua Jabatan; rakan-rakan media yang saya kasihi; dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

**YAB Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato',
Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang baru dilantik bagi tahun 2021. Marilah kita mengekalkan budaya kerja berpasukan, budaya kerja proaktif, inovatif, inklusif akan pandangan rakyat bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Aspirasi Masa Hadapan. Selamat berkhidmat dan tahniah atas pelantikan anda semua !!

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh mantan Ahli Majlis yang telah banyak memberi sumbangan kepada rakyat, malahan mereka juga adalah wira barisan hadapan semasa COVID-19. Jasa bakti tuan-tuan dan puan-puan akan kekal dalam lipatan sejarah Seberang Perai dan tidak akan dilupakan !!

**YAB Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato',
Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Penduduk dunia mengharungi ujian yang sangat dahsyat sepanjang tahun 2020, apabila Pandemik COVID-19 menyerang manusia tanpa

sempadan, tanpa batasan bangsa, agama dan tanpa belas kasihan. Dalam menghadapi suasana seperti ini keutamaan MBSP adalah untuk memastikan rakyat selamat dan dapat meneruskan kehidupan mereka. Pasukan wira barisan hadapan MBSP telah melakukan 759,973 pemeriksaan ke atas premis perniagaan dan industri semenjak 18 Mac 2020, 755,241 premis atau 99.38% mematuhi SOP manakala 4,732 premis atau 0.62% tidak mematuhi SOP dan telah diambil berbagai tindakan penguatkuasaan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi melancarkan “*Seberang Perai Corporate Priorities 2021 (SPCP2021)*”, yang mengandungi 152 program dan 255 aktiviti berteraskan sepuluh (10) keutamaan strategik. SPCP2021 menerokai *Digital* dan *Circular Economy* bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat semasa dan pasca COVID-19. MBSP telah memperuntukkan sebanyak RM95.6 juta untuk pembangunan *Circular Economy*, Kebersihan dan Kehijauan bagi mencapai Pembangunan Ekonomi Tempatan Yang Progresif. Pada 19 September 2020 yang lalu, *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* telah pun dilancarkan dan akan menjadi panduan dalam menggubal Pelan Tindakan *Circular Economy* yang akan di lancarkan pada bulan Mac 2021.

Tindakan selanjutnya dalam rangka pelaksanaan *Digital and Circular Economy 2021* adalah menjenamakan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang dinamakan *Sustainable Solid Waste Management System*. Pengusaha-pengusaha industri telah diminta untuk mengemukakan data jumlah sisa yang dihasilkan, jenis sisa yang dihasilkan dan nama syarikat kontraktor yang akan mengangkut sisa-sisa tersebut untuk pelupusan.

MBSP akan membuat pertukaran 14,000 unit lampu jalan dari jenis HPSV ke jenis LED yang akan memberi penjimatan 60% penggunaan tenaga elektrik. MBSP juga akan membangunkan *solar farm* di tempat letak kereta Menara MBSP yang mempunyai keupayaan penjanaan elektrik 536kwp bersamaan dengan 770,000 kwh setiap tahun. Kedua-dua projek ini menggunakan teknologi IoT, sensor dan teknologi *cloud* yang intensif dan akan dilaksanakan dalam tahun 2021.

YAB Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana pada hari ini sudi melancarkan Pelan Strategik Dasar Keterangkuman Gender

(DKG) MBSP 2021-2030. Pelan Strategik DKG ini adalah pelan sepuluh tahun yang akan memberi penekanan kepada perkara berikut:

- i. Latihan dan Pendidikan Secara Berterusan Bagi Keterangkuman Gender
- ii. Pengumpulan Data Pecahan Jantina / *Sex-Disaggregated Data* (SDD)
- iii. Memastikan keseimbangan gender di MBSP
- iv. Pemantauan atau Penilaian
- v. Memastikan Keseimbangan Gender Di MBSP
- vi. Pelaksanaan GRPB sepenuhnya di peringkat MBSP
- vii. Konsultasi dan Rakan Kongsi Strategik dengan pelbagai Agensi Kerajaan, Sektor Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan Komuniti.

YAB Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Akhir sekali saya ingin mengingatkan semua Ahli Majlis serta warga kerja MBSP mengenai wawasan rakyat yang harus diperjuangkan iaitu

menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi” .

Manakala misi MBSP pula ialah “Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai“. Justeru, bagi merealisasikan wawasan rakyat, MBSP menetapkan tiga (3) sasaran korporat iaitu :

- I. Bandar Raya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) pada tahun 2022;
- II. Bandar Raya Neutral Karbon (*Carbon Neutral City*) pada tahun 2030;
- III. Bandar Raya Sifar Karbon (*Zero Carbon City*) pada tahun 2050.

MBSP juga komited bersama bandaraya-bandaraya besar di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global 1.5° *Celcius*. Keutamaan MBSP ialah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat tidak kira golongan, mitigasi banjir, penyuraian trafik, *payment gateway*, perkhidmatan kaunter yang cekap dan keselamatan.

Manakala ukuran pencapaian atau KPI adalah :-

- i. Peningkatan 70% kadar kitar semula.
- ii. Pengurangan sisa 50% perkapita iaitu 1.6kg perkapita kepada 0.8kg perkapita.
- iii. Pengurangan pelepasan gas rumah hijau(GHG) daripada 8.0 tons CO₂e kepada 4.0 tons CO₂e.
- iv. 15% penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE).
- v. 100% lampu jalan LED.
- vi. CBD bagi setiap daerah berkonsepkan TOD.

Outcome

- i. *Smart Sustainable City* yang menjadi Aspirasi Bandar Raya Masa Hadapan.
- ii. Bandaraya Seberang Perai seiring dengan *Penang 2030 “A Family Focused Green and Smart State That Inspire The Nation”*.
- iii. Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon; berdaya tahan; inklusif dan saksama.
- iv. Bandaraya yang kompetitif.

v. Bandaraya yang pintar berpaksikan rakyat.

Saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Majlis 2021, Ketua-Ketua Jabatan dan seluruh kakitangan MBSP agar kita hendaklah membuat satu transformasi bekerja. MBSP perlu bergerak dalam satu pasukan dan akan sentiasa mengutamakan kehendak warga Seberang Perai. *Way forward*, MBSP mengharapkan agar kita dapat meneroka program-program baru yang dapat membantu ekonomi penduduk Seberang Perai. Dengan meletakkan Pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership*), saya yakin MBSP dapat bingkis bangun dari cabaran COVID-19 ini dan menjadikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian,

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.